

035 PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH*: BILA HARUS BERKATA DAN BILA HARUS DIAM (SATU SOROTAN RINGKAS)

Zikmal Fuad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

ABSTRAK

Bahasa merupakan medium bagi individu di dalam masyarakat untuk menyampaikan mesej berbentuk suara atau tidak melibatkan suara. Kertas kerja ini dibuat untuk membincangkan bila harus berkata dan bila harus diam dalam dakwah melalui pendekatan metode dakwah *bi al-hikmah*. Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah untuk mengenalpasti pengertian hikmah, mengemukakan contoh-contoh yang berkaitan dengan bila harus berkata bila harus diam dalam dakwah, di samping menjelaskan masalah-masalah yang timbul beserta dengan jalan penyelesaiannya melalui cadangan yang dikemukakan. Metodologi yang digunakan oleh penulis adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan membuat rujukan-rujukan kepustakaan. Melalui Kajian ini, penulis mendapati bahawa manifestasi al-hikmah dalam dakwah meliputi banyak hal, antaranya adalah mengenal golongan mad'u, bila harus berkata bila harus diam, mencari titik temu dalam dakwah, toleransi tanpa kehilangan sibghah dan memilih kata yang tepat. Justeru itulah, penulis merasakan satu kajian perlu dibuat agar menjadi bahan renungan dan untuk diaplikasikan di medan dakwah.

PENDAHULUAN

Allah S.W.T telah mewajibkan kepada rasul-Nya dan orang-orang mukmin untuk berdakwah kepada Allah, akan tetapi Allah S.W.T mengikat perintahnya dengan syarat yang harus dilakukan atas dasar ilmu pengetahuan yang mendalam dan kebijaksanaan sebagaimana firman Allah :

“Katakanla, inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata, maha suci Allah, dan aku tidak termasuk dalam golongan orang musyrik” (Surah Yusuf 108).

Berdakwah merupakan suatu amanat besar. Amanat besar yang dimaksudkan Said Qutub iaitu salah satunya adalah amanat dakwah iaitu berdakwah dengan menggunakan segala daya upaya agar menjalani jalan hidup umat manusia (Said Quthub 117-119). Yang lain menyatakan bahawa amanat yang ditanamkan Allah dalam fitrah manusia yang diberikan kepada manusia, amanat itu ialah kesedaran, kehendak, dan kesungguhan (A. Hasjimy 1974: 63).

Dalam menyampaikan misi dakwah, seorang pendakwah Islamiah harus memiliki perancangan atau pengetahuan sebagai medan untuk menyampaikan dakwahnya, sebagai pendakwah dalam mengumumkan bahawa mereka adalah umat pilihan di atas dunia dengan memiliki tiga syarat, mengajak kepada yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah sesuai dengan ayat al-Quran surah Ali-‘Imran : 110.

Sebagai seorang pendakwah, metodologi dakwah merupakan perkara yang asas daripada kejayaan dakwahnya iaitu *al-hikmah* dan *al-mauizah al-hasanah*, kaedah dakwah ini merupakan perkara yang penting sebab berkesan atau tidak matlamat dakwah itu.

Dua perkara yang perlu ditempuh oleh pendakwah dalam berdakwah :

1. Melakukan bantahan ilmiah berdasarkan alasan dalam bukti-bukti terhadap pengkaburan (pemahaman yang keliru) dan rintangan-rintangan para pengacau itu.
2. Memberi kemaafan dan menghindarkan dengan cara yang baik daripada kejahilan mereka, dan mengetahui permasalahan mereka (Abdurrahman Abdul Khalis 1996).

Jadi dalam berdakwah secara berhikmah, seorang pendakwah di dalam menyampaikan kerjanya haruslah sesuai dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya seperti kebenaran sesuatu perkara. Ertinya perkataan yang sesuai dengan kebenaran atau meletakkan kebenaran pada bahagiannya atau kebenaran itu sendiri (Muh. Husin Fadhlullah 1997 41).

HIKMAH DALAM MEDAN DAKWAH

Kata hikmah disebutkan dalam al-Quran dengan pelbagai pengertian. Menurut al-Fairuz Abady berkata “hikmah berasal daripada sisi Allah sedangkan pengetahuan terhadap sesuatu dan pengadaannya secara sempurna berasal daripada diri manusia, termasuk pengetahuan tentang pelbagai makhluk dan pengamalan kebaikan”.¹ Sehingga dapat disimpulkan bahawa hikmah adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Apabila definisi ini juga boleh dijadikan definisi utama hikmah dalam medium dakwah kepada Allah, maka kita perlu beralih dari pengertian ini dan meletakkannya pada medan khusus, sehingga boleh menjelaskan maksud dan tujuan hikmah dalam medan dakwah kepada Allah. Sebab dakwah kepada Allah tidak mungkin tunduk kepada aturan-aturan atau hukum konvensional yang selalu berubah.

Maka dengan itu tidak mudah untuk kita meletakkan batasan-batasan khusus yang boleh dijadikan landasan para pendakwah. Sebab hal ini boleh bertentangan dengan pengertian hikmah yang mengharuskan mereka untuk menyesuaikan apa yang sudah digariskan serta sikap tertentu akhirnya mereka mencari-cari sesuatu agar dapat menerangi jalan yang bakal ditempuh.

¹ Kata Hikmah dalam al-Quran dapat dibezakan menurut enam sisi iaitu Surah Ali ‘Imran: 48. Shad: 20, al-Baqarah: 251, 206, Maryam: 12, al-Nisa: 54, al-An’am: 89, al-Nahl: 125, Luqman: 12. Penafsiran al-Hikmah dalam al-Quran dapat dibahagi kepada empat bahagian iaitu pengajaran (surah al-Baqarah: 231), pemahaman dan ilmu (Maryam: 12), Nubuwwah (al-Nisa: 54, Shad: 20), al-Quran (al-nahl: 125, al-Baqarah: 269).

Dakwah dengan hikmah merupakan dakwah yang dilakukan dengan memahami secara mendalam segala persoalan yang berhubungan dengan proses dakwah yang meliputi persoalan sasaran dakwah, tindakan-tindakan yang dilakukan masyarakat yang menjadi objek dakwah. Situasi, tempat dan waktu di mana dakwah akan dilaksanakan dan sebagainya (Abd Rasyid Shaleh 1997: 73).

Sebagaimana A. Mukti Ali mendefinisikan dakwah dengan hikmah itu sebagai “kesanggupan pendakwah untuk menyebarkan ajaran Islam dengan berkorban waktu dan tempat demi masyarakat yang dihadapinya” (Mukti Ali. 1971). Menurut Suparta dan Hefni dalam buku Metode Dakwah (2003: 36), al-hikmah merupakan kemampuan dan ketetapan da’i dalam memilih dan menyelaraskan teknik dakwah dengan kondisi objektif mad’u”.

Oleh itu, dengan memahami sesuatu dalam segala aspek yang terkumpul dalam melakukan dakwah, jenis manusia yang dihadapi, keadaan, ruang dan waktu, bentuk dan cara berdakwah yang sesuai, sehingga menjadi daya penggerak untuk sesuatu langkah yang tepat, dengan itulah seorang pendakwah dapat menentukan dan menjalankan dakwah yang efektif.

Jelaslah bahawa berhikmah dalam menyampaikan dakwah kepada Allah bukan bererti dengan cara lemah lembut, tegang dan mengalah. Kerana kalau dimaksudkan seperti ini lafaz hikmah tersebut bererti kepada makna hina, remeh, dan lemah. Hikmah boleh menjadi kelembutan di waktu perlu lembut, boleh menjadi kekerasan bila perlu diwaktunya. Tapi bila bersikap lembut apabila harus menggunakan kekerasan dan ini bukan gambaran hikmah, jelas merupakan kelemahan atau sama juga jika sebaliknya menggunakan hikmah berupa kekerasan disaat perlu kepada kelembutan, ianya merupakan kesalahan.

MANIFESTASI² AL-HIKMAH DALAM DAKWAH

Terdapat pelbagai metode dakwah yang dapat diterapkan oleh para da’i dalam menyampaikan dakwah kepada mad’unya, di antaranya: dakwah *bi al-hikmah*, dakwah *bi al-mauizah al-hasanah* dan dakwah *bi al-mujadalah al-husna*. Adapun manifestasi al-hikmah dalam dakwah ini meliputi banyak hal, antaranya adalah Hikmah; Bila Harus Berkata Bila Harus Diam.

Ketika Rasulullah menerima perintah pada surah Asy’ara 214 yang bermaksud “dan berilah peringatan kepada keluargamu, yang terdekat”, maka Rasulullah s.a.w. menjemput anggota keluarga yang lain untuk makan bersama-sama diantaranya adalah Abu Lahab. Disaat Rasulullah hendak menyampaikan risalah, Abu Lahab dengan lantang mengancam Rasulullah s.a.w. dan berkata :

“Awaslah, jaga keselamatan dirimu dan keselamatan keturunan bapamu, ketahuilah bahawa bangsa Arab tidak akan membiarkanmu begitu sahaja, tidak sukar bagi mereka menyerangmu dan membunuhmu”, ketahuilah kepada agama bapamu dan nenek moyang mu itulah lebih baik bagimu. Kalau tidak, kami akan penjarakan engkau sampai engkau sihat kembali daripada penyakitmu itu, sehingga kami dapat melindungimu daripada

² Perbuatan,yang memperlihatkan sesuatu atau perwujudan sebagai suatu pernyataan perasaan atau pendapat (Kamus Dewan: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. H. 994.

(kemakmuran) bangsa Arab”. Kami lebih patut dan pantas mendidikmu sampai fikiranmu sihat kembali, sehingga engkau bebas dari penyakitmu.³

Bagaimana reaksi Rasulullah s.a.w. ketika itu Ketika hendak berdakwah?. Beliau tidak menjawab apa-apa. Beliau diam, diam itu lah jawapannya. Itulah jawapan yang tepat terhadap suasana sedemikian, bahkan Rasulullah s.a.w sendiri tetap tenang, kemampuannya mengawal diri serta menjaga martabat, menimbulkan rasa simpati supaya terlepas daripada menjawab soalan sama ada setuju atau tidak setuju.

Suasana seperti itu tidak dibiarkan begitu sahaja oleh Rasulullah s.a.w rancangan seterusnya baginda tidak memberi peluang dan berkata. Dengan memuji Allah S.W.T dan memohon pertolongan Rasulullah s.a.w berkata kepada Abu Lahab,

“Buatlah apa yang hendak engkau buat pada diriku, engkau dan pengikut-pengikut serta pembantu-pembantu daripada bangsa Arab yang hendak engkau kerahkan terhadap diriku dan perjuanganku. Aku mempunyai tempat berlindung iaitu Allah S.W.T, pencipta alam semesta yang tidak boleh dibandingkan dengan kuasa-Nya, dan kepada-Nya juga aku berlindung dan berserah diri” (Muhammad Nastir 2000: 167).

Dengan kata lain ancaman Abu Lahab yang melemparkan tuduhan dapat ditangkis dengan ayat risalah yang disampaikan oleh baginda antaranya iaitu :

Wahai keturunan Abdul Muthalib, demi Allah aku tidak pernah melihat seorang pemuda membawa sesuatu yang lebih tinggi nilainya daripada api yang kubawakan kepadamu (sekarang ini), sesungguhnya kubawakan kepadamu kebaikan dunia dan kebaikan di akhirat (Muhammad Nastir 2000: 168).

Daripada petikan sejarah di atas, dapat diambil suatu hikmah daripada peristiwa ini, yang menjadi landasan bahawa kemampuan baginda memilih saat yang tepat bila harus diam dan bila harus berbicara sehingga mencapai hasil yang sebaik-baiknya.

Hal ini merupakan contoh aplikasi agar dapat melihat hakikat makna hikmah yang membezakan antara individu dengan individu lain atau dengan sesiapa sahaja seorang pendakwah sedang berbicara, hikmah ini bererti lembut seperti mengangkat senjata dan menggunakan kekuatan. Cara hikmah memiliki nilai tersendiri yang disesuaikan dengan keadaan dan makna yang luas.

Seorang pendakwah yang berpesan dalam menyampaikan misinya (Risalah) iaitu dengan cara terbaik sesuai dengan perintah al-Quran dengan cara yang baik, sopan santun, lemah lembut kecuali apabila ada pihak yang memperlihatkan keangkuhan dan kezaliman.

Kesemua itu penting dalam usaha dakwah sehingga mendapatkan hasil yang maksima dan tidak terjadi hal-hal yang negatif.

³ Ini adalah sebahagian ucapan Abu Lahb ketika hadir pada pertemuan dengan Nabi Muhammad dan keluarga. Abu Lahn mengatakan bahawa Nabi Muhamamad seorang penyeleweng bahkan Abu Lahb memperingatkan bahawa bangsa Arab akan membunuh Nabi Muhammad apabila tidak cepat taubat dan menarik kembali ajaran barunya. Lihat Fiqh al-Dakwah. 2000. Jakarta: Media Dakwah. Hal. 167-168.

NABI SULAIMAN A.S, DAN BURUNG HUD-HUD

Ketika Nabi Sulaiman a.s. melakukan pemeriksaan kepada bala tentara dari angkatan burung-burung, didapati burung hud-hud tidak berada dalam barisan (Surat al-Naml: 20). Lalu Nabi Sulaiman berkata: mengapa aku tidak melihat burung hud-hud?, ke mana dia? aku tidak melihat dia di antara kamu burung-burung yang lain?, apakah dia termasuk yang tidak hadir?

Terjemahan ayat di atas memberi penjelasan bahawa Nabi Sulaiman a.s. ingin memastikan sebab ketidakhadiran burung hud-hud. Apakah dia sakit? atau dia telah memencilkan diri dari barisan, lalu ditangkap dan dimakan binatang buas? atau diburu oleh orang yang tidak mengetahui bahawa dia adalah Nabi Sulaiman a.s.

Sungguh aku akan siksa dia dengan siksaan yang amat berat. Ertinya sekiranya hud-hud meninggalkan barisan tidak seizin Nabi Sulaiman a.s. maka dia akan dihukum mati sekiranya dia melakukan kelalaian yang merugikan. Atau dia segera datang Nabi Sulaiman a.s. dengan keterangan yang jelas dari sebab kepergiannya meninggalkan barisan, sehingga alasan yang jelas itu dapat diterima dan dimaafkan oleh Nabi Sulaiman a.s..

Maka berhentilah dia sejenak di tempat yang tidak jauh (Surat al-Naml: 22). Ertinya ketika Nabi Sulaiman a.s. memeriksa barisan, burung hud-hud telah berdiri di tempat yang agak jauh, sementara Nabi Sulaiman a.s. marah kerana hud-hud tidak berada di dalam barisan, dan hud-hud belum mahu mendekat. Setelah kemarahan Nabi Sulaiman a.s. berkurang barulah hud-hud tampil dihadapan Nabi Sulaiman a.s., apatah lagi dalam kemarahan Nabi tersebut terkandung pengharapan bahawa sekiranya hud-hud membawa keterangan yang jelas. Oleh itu, dengan memberanikan diri hud-hud berkata: aku telah mengerti sesuatu hal yang tidak engkau mengerti. Ertinya dia tidak kelihatan oleh Nabi ialah kerana dia baru sahaja pulang menyelidiki suatu hal yang sangat penting (Surat al-Naml: 22-23).

Ada dua perkara yang perlu dicermati dalam kisah ini:

Pertama, kemampuan burung hud-hud memilih masa yang tepat untuk berhadapan dengan Nabi Sulaiman. Burung hud-hud lebih memilih menunggu sehingga reda kemarahan Nabi Sulaiman a.s.

Kedua; kemampuan burung hud-hud memilih masa untuk mengemukakan jawapan yang tegas; bahwa dia merasa tidak bersalah, bukan meninggalkan kewajipan dengan tidak meminta izin, melainkan melaksanakan tugas berat yang dapat dipertanggungjawabkan, iaitu keyakinan bahwa rahsia yang diketahuinya belum diketahui oleh Nabi Allah tersebut. Seterusnya dikatakan bahawa dia kembali dari tempat yang jauh dengan membawa berita benar, bukan berita dari orang ke orang, melainkan hasil penyelidikan sendiri. Sebab itu dikatakan berita yakin.⁴

⁴Riwayat ini boleh dibaca di pelbagai tafsir dalam surah al-naml ayat 19-24, antaranya tafsir al-Azhar. Jil 17, 18, 19, 20. 20-23 hal 199.

PENUTUP

Al-Hikmah mempunyai posisi yang sangat penting, iaitu dapat menentukan sukses dan tidaknya sesebuah dakwah. Diperlukan hikmah dalam dakwah ketika menghadapi mad'u yang pelbagai baik tingkat pendidikan, sosial, latar belakang budaya, dan lain-lain. Sebab, dengan hikmah ajaran Islam yang didakwahkan oleh para da'i dapat menyentuh ruang hati para mad'u dengan tepat. Dalam konteks dakwah, hikmah bukan hanya sebuah pendekatan suatu metode, akan tetapi beberapa pendekatan yang multi dalam sebuah metode yang merupakan pokok awal yang harus dimiliki oleh da'i dalam berdakwah. Sebab, dengan hikmah akan lahir kemahiran dan kebijaksanaan dalam menerapkan kaedah dakwah.

RUJUKAN

- Abd Rasyad Shaleh. 1977. *Manajemen Da'wah Islam*. Jakarta Bulan Bintang.
- Abd Khalid Syaikh Abdurrahman. 1996. *Metode dan Strategi Da'wah Islam*. Jakarta: Al-Kautsar.
- Ahmad Amrullah. 1983. *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta: Prima duta.
- A. Hasjmy, *Dustur Da'wah menurut al-quran*, Bulan Bintang, Jakarta, 1974.
- Fadhullah Husein Muh. 1971. *Metodologi Da'wah dalam al-Quran*. Jakarta.
- Hamka. 1988. *Tafsir al-Azhar*. Jil 17, 18, 19, 20. 20-23. Jakarta: Pustaka panjimas.
- Kamus Dewan. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi keempat.
- Mukti Ali. 1971. *Faktor-faktor Penyiaran Islam*. Jakarta. YPTDI.
- Muhd. Natsir. 2000. *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Media Da'wah.
- Said Qutub. *Tafsir fi Dhilalil Qur'an*. Beirut: